

90
nutrilite™
YEARS OF GROWTH



GUTPROtein

Kehidupan bermula dengan Protein • Kesihatan dikuasakan oleh Usus



MENYUSUN SEMULA GENOM KEDUA ANDA

USUS YANG SIHAT ADALAH KUNCI KESIHATAN ANDA

Kesihatan kita bermula daripada usus. Sains telah membuktikan bahawa usus berperanan lebih daripada sekadar membantu proses penghadaman. Malah, ia adalah **kunci utama bagi merungkai rahsia mencapai kesihatan yang optimum.**

Mari mulakan perjalanan kesihatan dan kesejahteraan yang memperlihatkan usus sebagai tuan rumah kepada adiwira dalam kisah kesihatan anda!

Apakah itu Genom?

Genom ialah set lengkap gen atau bahan genetik yang terdapat dalam sel atau organisma. DNA dalam sel anda ibarat cetakan biru yang membentuk siapa diri anda sekarang.

Genom Pertama

adalah gen yang anda warisi daripada ibu bapa anda yang tidak boleh diubah.



Genom Pertama
Menentukan

Ketinggian



Warna Mata



Warna Rambut



Warna Kulit



Cap Jari




anda dan banyak lagi!




Genom Kedua Anda: Mikrobiom Usus Anda

Terdapat trilion mikroorganisma di dalam usus anda yang mempunyai gen tersendiri dan dikenali secara kolektif sebagai **mikrobiom usus**. Mikrobiom ini sangat berpengaruh terhadap kesihatan anda sehingga sering digelar sebagai **Genom Kedua**.





Apakah itu Mikrobiom Usus?



70-80% sistem imun tubuh terletak di dalam usus.

Peranan utama mikrobiom usus adalah **mengajar sel imun bila untuk bertindak balas, apa yang perlu disasarkan dan apa yang perlu diabaikan.**

Selain imuniti keseluruhan badan, kajian mendapati bahawa fungsi imun kulit dipengaruhi oleh bakteria usus yang pelbagai. Oleh itu, **mikrobiom usus yang sihat mampu menguatkan imuniti kulit kita!**



Mikrobiom usus anda merupakan tempat tinggal bagi kira-kira **100 trilion** bakteria usus.



TEMUI ADIWIRA USUS ANDA!

Bakteria baik di dalam usus anda bertindak sebagai sekumpulan adiwira kecil yang mempunyai kuasa tersendiri agar anda kekal sihat.

Pembantu Penghadaman

Membantu penyerapan nutrien yang lebih baik dengan memecahkan makanan menjadi lebih kecil.

Pengatur Mood

Menghasilkan bahan kimia di dalam otak agar anda kekal ceria, kurang rasa resah & lebih bertenaga.

Penentang Bakteria Berbahaya

Bertindak sebagai pengawal untuk mengusir bakteria jahat supaya bakteria baik dapat memastikan anda sihat dan berkembang maju.

Penggalak Imun



Membina pertahanan yang kukuh dengan melatih sistem imun anda untuk mengenal & menentang penceroboh berbahaya.


TAHUKAH ANDA?



Bahagian kecil yang terjulur di dalam usus anda ini dipanggil **vilus**. Vilus yang sihat menyerap nutrien daripada makanan dengan cekap bagi memastikan penghadaman dan usus yang sihat secara keseluruhan!

Lapisan Usus: Kubu Badan Anda

Anggap sahaja lapisan usus anda ibarat dinding kubu. Jika ia kukuh, maka penceroboh tidak dapat masuk. Namun, jika berlaku kerosakan pada lapisan usus, ia akan dapat ditembusi lalu mengakibatkan apa yang dikenali sebagai “usus bocor”.



Sel yang sihat tersusun rapat untuk membentuk ‘perisai’ perlindungan, manakala sel tidak sihat meninggalkan jurang yang membolehkan bakteria jahat menembusi lapisan usus.



Apa yang berlaku jika anda mengalami kebocoran usus?

Toksin dan bakteria dapat menembusi perintang, memasuki aliran darah dan mengakibatkan keradangan serta masalah kesihatan lain.

Dalam erti kata lain, berlaku pencerobohan pada dinding kubu lalu penceroboh berjaya tembus dan menyebabkan kekacauan kepada kesihatan anda.

Simptom usus bocor termasuk



Cirit-birit



Tahap gas meningkat



Sembelit



Sakit atau ketidakselesaan perut



Mual atau muntah

Mewujudkan Asas Usus yang Kuat

Kesihatan optimum boleh dicapai dengan usus yang sihat. Di samping itu, usus yang sihat boleh membantu:



Merangsang tahap tenaga



Meningkatkan keselesaan penghadaman



Merasai kulit lebih sihat



Apa yang anda perlukan adalah



PROTEIN



PREBIOTIK



PROBIOTIK



USUS SIHAT

Apabila anda memelihara usus anda dengan baik, anda akan mencipta asas yang kukuh demi kesihatan yang lebih baik. Mari kita selami sains di sebaliknya.



Merangsang Tahap Tenaga Anda dengan Mengawal Atur Metabolisme

Rasa penat sepanjang masa? Mungkin kesihatan usus telah menjejaskan tahap tenaga anda. Apabila usus berfungsi secara optimum, ia memastikan kita mendapat manfaat terbaik daripada makanan kita. Ini termasuk menukar:



Karbohidrat menjadi glukosa



Protein menjadi asid amino



Lemak menjadi asid lemak

yang sel kita gunakan untuk **tenaga**.



Anda boleh merangsang tahap tenaga anda dengan mengambil protein.

Dengan mengekalkan paras gula dalam darah yang stabil, usus yang sihat dapat mencegah tenaga turun mendadak dan membuatkan anda berasa cerdas sepanjang hari.

Protein yang diambil sebelum tidur membantu pemulihan otot dengan meningkatkan asid amino dalam darah anda semalaman.



Meningkatkan rasa kenyang selepas makan

Menambah baik pengawalan glukosa



Tubuh anda memerlukan PROTEIN untuk



Meningkatkan kadar metabolik (cth. membakar lebih banyak kalori selepas makan & semasa tidur)

Meningkatkan daya penumpuan sepanjang hari

Mikrobiom Usus Seimbang = Metabolisme Sihat

Imbas di sini untuk membaca cara anda boleh merangsang tahap tenaga anda dengan GUTPROtein!





Meningkatkan Keselesaan Penghadaman dengan Menambah Baik Kesehatan Usus

Sering berasa kembung atau bergas selepas makan? Ini biasanya merupakan tanda ketidakseimbangan dalam mikrobiota usus. Untuk mengembalikan keseimbangan di dalam usus, ia **memerlukan nutrien penting** yang menyokong lapisan usus, memperkenalkan bakteria bermanfaat dan menyokong pertumbuhannya.


Usus Anda Memerlukan

PROBIOTIK

untuk menambah bakteria usus yang bermanfaat demi mengekalkan mikrobiom usus yang seimbang.

PREBIOTIK

untuk membekalkan makanan yang ia perlukan untuk berkembang maju (seperti adiwira yang mendapatkan semula tenaga selepas seharian beraksi untuk menyelamatkan dunia)



PROTEIN

untuk menyokong pembaikan dan penyelenggaraan lapisan usus, terutamanya semasa tidur. Juga membantu badan untuk memanfaatkan nutrien dengan berkesan.

Tanda-tanda usus yang sihat



Kerap membuang air besar



Tahap tenaga yang konsisten



Kulit berseri



Kurang atau tidak berasa kembung



Kejelasan mental



Toleransi makanan lebih baik

Mikrobiom Usus Seimbang = Keselesaan Penghadaman Lebih Baik



Imbas di sini untuk membaca cara anda boleh memastikan penghadaman yang lebih baik dan selesa dengan GUTPROtein!



Rasai Kulit Lebih Sihat Melalui Usus yang Sihat



Kulit kita merupakan organ terbesar pada tubuh dan barisan pertahanan yang pertama. Ia juga menggambarkan kesihatan dalaman kita.

Mikrobiom usus yang tidak seimbang boleh mengakibatkan **keradangan sistemik**, yang boleh menimbulkan **masalah pada kulit** seperti



Jerawat



Ekzema



Psoriasis

Kita perlukan usus yang sihat untuk menyerap nutrien penting demi kulit yang sihat.



Membina & mengekalkan perintang kulit yang sihat



Mengekalkan kelembapan dan penghidratan



Kulit anda perlukan PROTEIN untuk



Menyokong penghasilan kolagen (untuk kulit anjal lagi muda)



Memulihkan, membaiki tisu rosak & penjanaaan semula sel

Membantu mengimbangkan pH kulit



Mengurangkan tahap sensitiviti kulit



Kulit anda perlukan PREBIOTIK & PROBIOTIK untuk



Meningkatkan fungsi perintang kulit



Meningkatkan antioksidan untuk melawan penuaan kulit

Apabila usus terpelihara, bermakna anda menyokong kesihatan kulit dari dalam sekali gus memiliki paras rupa yang lebih muda dan berseri!

Imbas di sini untuk membaca cara anda boleh memiliki kulit yang lebih sihat dengan GUTPROtein!



Mikrobiom Usus Seimbang = Kulit Sihat

Apakah yang Membuatkan GUTPROtein Sangat Bagus?

Kesihatan Asas GUTPROtein merupakan gabungan tiga produk hebat yang **berfungsi secara sinergi** untuk memberikan usus anda asas yang unggul demi mencapai kesihatan yang optimum. Mari kita lihat setiap komponen dengan lebih mendalam:



Menambah bakteria usus bermanfaat supaya ia membiak dan berkembang.



Penting untuk menghasilkan tisu gantian baharu, menyokong pertumbuhan tulang dan otot, serta perkembangan mental, di samping memberikan kulit yang kelihatan sihat.



Menyuburkan bakteria baik, berfungsi sebagai makanan untuk probiotik demi mengekalkan keseimbangan mikrobiom usus.



Menggunakan teknologi “Sampai Hidup-hidup” dan “Melekat Pada Usus” bagi memastikan strain probiotik sampai ke usus anda hidup-hidup dan berlabuh dengan berkesan



Diperbuat daripada gandum, soya & kacang pis.



Mengandungi campuran tiga serat boleh larut yang unik diperolehi daripada sumber tumbuhan secara semula jadi.



Setiap hidangan membekalkan 6.3 bilion CFU daripada campuran eksklusif 5 strain probiotik.



Mengekalkan jisim otot tanpa lemak dan mengalakkan rasa kenyang.



Imbas di sini untuk menonton video tentang GUTPROtein!



Ketahui lebih lanjut tentang **Kesihatan Asas GUTPROtein** di sini!



Mulakan & Akhiri Hari Anda dengan GUTPROtein

Selepas merungkai rahsia kehebatan Kesihatan Asas GUTPROtein, mari kita selami cara untuk menyepadukan amalan GUTPROtein ke dalam rutin harian anda dengan lancar sekali gus memacu gaya hidup sihat.

Ambil GUTPROtein 2x Sehari untuk Kesihatan Optimum



Sekali Sebelum Sarapan

Mulakan dengan Semangat Waja

Tingkatkan metabolisme anda dan kekalkan tahap tenaga yang tinggi



Sekali Sebelum Tidur

Rehat & Baiki

Penting untuk membaiki & penjanaan semula sel serta membantu anda mendapat tidur yang berkualiti

Nikmati Kesihatan Asas GUTPROtein sebagai minuman kocak begitu sahaja atau masukkan ke dalam diet harian atau sarapan anda!

Resipi Minuman Kocak GUTPROtein

Cadangan Saiz Hidangan:



2 skup

Minuman Protein Soya Nutralite

(atau mana-mana perisa lain)



1 pek batang
Nutralite Mixed Fiber Powder



1 pek batang
Nutralite Botanical Beverage Mix Chicory Root Extract with Probiotics



200ml
Air

Goncang hingga sebati dan nikmatilah!

Imbas di sini untuk lebih banyak resipi GUTPROtein!



Penafian: Resipi yang disediakan di atas hanyalah sebagai rujukan. Jika anda mempunyai masalah kesihatan atau mengambil sebarang ubat, sila rujuk doktor atau pengamal perubatan anda sebelum membuat perubahan ketara pada diet anda, termasuklah memasukkan penyelesaian ini ke dalam pelan diet harian anda. Walaupun Kesihatan Asas GUTPROtein boleh menjadi tambahan yang sihat bagi diet anda, ia mungkin tidak sesuai untuk semua orang dan berpotensi berlakunya interaksi ubat-ubatan.

Mengapa GUTPROtein oleh Nutrilite?

Nutrilite mempunyai legasi yang menjangkau lebih daripada 90 tahun. Ia membekalkan rangkaian produk dan suplemen penjagaan kesihatan organik serta berasaskan tumbuhan yang luas buat seisi keluarga di seluruh dunia.

4 Sebab Mengapa Nutrilite Begitu Menonjol



Boleh dijejaki dari Biji Benih Hingga Suplemen

Proses kebolehejakan 9 langkah kami yang ketat memastikan kualiti tertinggi serta akauntabiliti sepenuhnya dalam setiap langkah pembuatan. Nutrilite komited untuk **menjejaki bahan dari biji benih, tanah hingga suplemen.**



Ladang Nutrilite Eksklusif

Nutrilite adalah satu-satunya jenama vitamin dan suplemen diet global yang menanam, menuai dan memproses tumbuhan di ladang kami sendiri yang disahkan organik.*

*Sumber: GlobalData, <http://gdretail.net/amway-claims/>



Ladang Rakan Kongsi NutriCert

Setiap ladang yang menyediakan bahan botani dan tumbuhan yang digunakan dalam produk Nutrilite mesti memenuhi standard kualiti NutriCert kami yang ketat demi menjaga ketulenan, keselamatan dan keberkesanan.



Disahkan Halal oleh Majlis Makanan dan Pemakanan Islam Amerika (IFANCA).



Imbas di sini untuk mengetahui tentang **proses kebolehejakan 9 langkah!**

Menjadikan GUTPROtein Sebahagian daripada Gaya Hidup Sihat Anda

Sekarang mari kita tingkatkan lagi kuasa GUTPROtein dengan tabiat sihat yang lain:

Bijak Suplemen

Isikan jurang pemakanan dengan Nutrilite DOUBLE X atau Nutrilite Daily.



Kerap Bersenam

Cuba sasarkan 10,000 langkah setiap hari.



Utamakan Waktu Tidur

Dapatkan tidur yang berkualiti 7-8 jam setiap malam.



Kekal Terhidrat

Minum sekurang-kurangnya 8 gelas air bersih dan terturas setiap hari.



Seimbangkan Hidangan Makanan Anda

dengan **Suku-Suku Separuh** — separuh pinggan anda diisi dengan sayuran-sayuran dan buah-buahan, separuh lagi adalah protein dan karbohidrat dalam amaun yang sama.



Dengan mengikuti tabiat ini, anda boleh memastikan adiwira usus anda mempunyai persekitaran terbaik untuk berkembang maju!



Imbas di sini untuk memesan Asas Kesihatan GUTPROtein anda!



Pokok Kesihatan Holistik

Sama seperti pokok yang tumbuh subur dengan akar yang kuat dan khasiatnya, tubuh kita memerlukan **protein**, **probiotik** dan **serat** untuk membina asas yang kukuh demi usus yang sihat serta kesihatan yang optimum.



“**Semua penyakit bermula daripada usus.**” **Hippocrates**
Pakar perubatan Yunani purba



Imbas di sini untuk mengetahui tentang Melangkai GUTPROtein: Penyelesaian Kesihatan yang Diperibadikan Untuk Anda.

Usus Sihat = Anda Sihat




Imbas di sini
untuk buku versi
B. Inggeris.



Imbas di sini
untuk buku
versi Mandarin.



Imbas di sini
untuk rujukan.



Nota: Produk ini bukan bertujuan untuk mendiagnosis, merawat, menyembuhkan atau mencegah sebarang penyakit. Sila dapatkan nasihat doktor sebelum mengambil produk ini bagi mereka yang mempunyai masalah kesihatan.

Panduan pengguna ini khusus untuk Pemilik Perniagaan Amway sahaja. Ia bukan bertujuan untuk disebarkan kepada umum. Kandungannya adalah untuk tujuan maklumat sahaja dan bukan untuk menggantikan nasihat pakar perubatan profesional. Sila rujuk doktor anda untuk sebarang soalan atau kebimbangan mengenai kesihatan anda.

Amway